

MISO

KAWASAN LARANGAN MEROKOK

Pewartaan bakal diperluas ke kedai dobi, hotel

➔ Wujud keperluan mendesak kawasan dibelunggu asap rokok

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
cnews@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan akan memperluaskan pewartaan kawasan larangan merokok dalam tempoh terdekat, membabitkan kedai dobi dan hotel.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata larangan merokok yang berkuat kuasa mulai semalam hanya tertakluk kepada sembilan jenis premis di tempat awam.

Katanya, hasil maklum balas pelbagai pihak, kementeriannya mengakui wujud keperluan mendesak untuk memperluaskan pewartaan larangan itu kerana tempat awam lain seperti kedai dobi dan hotel yang lazimnya dibelunggu masalah asap rokok.

"Tinjauan mendapati ada yang masih merokok di situ (kedai dobi dan hotel). Justeru, wujud kebimbangan mengenai masalah kesihatan dalam kalangan perokok pasif.

"Kita akan bincang untuk tambah (larangan merokok di premis awam berkaitan) dari

semasa ke semasa," katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan dan promosi tempat makan sebagai larangan merokok, di sini, semalam.

Selain 'diserang' Penolong Pegawai Kesihatan dan Persekitaran (PPKP), deretan restoran di Bandar Permaisuri, Cheras di sini, riuh dengan pengumuman awam menggunakan pembesar suara daripada van Kementerian Kesihatan yang berlegar di kawasan berdekatan.

Pengumuman bagi tujuan mendidik itu antara lain menyarankan orang ramai supaya akur dengan larangan merokok, selain menguar-uarkan denda dan hukuman penjara terhadap pihak berkaitan jika mereka gagal mematuhi peraturan terbabit.

Amaran lisan

Dr Dzulkefly berkata tempoh mendidik selama enam bulan yang diperuntukkan sebelum kompaun dan denda dikeluarkan masih terpakai meskipun wujud desakan supaya pendekatan itu dimansuhkan.

"Kita nak beri orang ramai faham bahawa kementerian bukan nak menghukum, sebaliknya lebih kepada mendidik supaya pelaksanaan larangan merokok ini berkesan dan berupaya dilaksanakan.

"Amaran lisan masih diberikan kepada perokok, namun tindakan punitif akan terus berkuat kuasa selepas tempoh mendidik selama enam bulan berakhir kerana ketika itu tiada lagi alasan untuk mereka gagal mengikut peraturan.

"Kementerian mempunyai



Notis larangan merokok ditampal di premis makanan berkuat kuasa semalam.

5,008 PPKP yang ditugaskan untuk membuat pemantauan dan mengeluarkan amaran lisan kepada pihak yang ingkar, sama ada perokok atau pengusaha premis kerana gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Mengenai semakan kehakiman difailkan di mahkamah untuk mencabar penguatkuasaan larangan merokok,

Dr Dzulkefly menyifatkannya sebagai hak demokrasi rakyat Malaysia.

Beliau berkata, pertikaian diuarakan segelintir kelompok masyarakat, khususnya perokok tidak patut disekat kerana ia mewakili golongan berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, kementerian bersedia untuk membentangkan hujah di mahkamah bagi mengetepikan semakan kehakiman itu bersandarkan asas perundangan berkaitan.

"Tiada masalah, kita jumpa di mahkamah. Memang hak mereka untuk suarakan sebarang pertikaian terhadap inisiatif kementerian dengan memfailkan semakan kehakiman. Tetapi kita mempunyai asas kukuh dalam melaksanakan larangan merokok di sembilan premis awam berteraskan perundangan negara.

"Selain itu, usaha ini selari matlamat kerajaan untuk menjamin kesihatan golongan bukaan perokok, khususnya warga tua dan anak kecil yang sering terdedah dengan kesan sampingan," katanya.

Kelmarin, tujuh individu memfailkan permohonan keberanian untuk semakan kehakiman bagi mencabar keputusan Kementerian Kesihatan menguatkuasakan larangan merokok di semua premis makan, yang bermula semalam.

[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR /BH]